

THE POSITION OF THE PROPHET'S ATTRIBUTES IN JURISTIC DEDUCTION (*ISTIDLAL*) WITH THE HADIS

KEDUDUKAN SIFAT NABI DALAM BERISTIDLAL DENGAN HADIS

Mustafa bin Mat Jubri@Shamsuddin

Jabatan Fiqh & Usul Fiqh, Fakulti Ilmu Pengetahuan Berteraskan Wahyu & Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstract

The meaning of Hadith comprises of statements, actions, approvals, and attributes of the Prophet Muhammad (pbuh). It is one of the main sources in the legislation of Islamic laws which include Aqidah, Shariah and Akhlaq. As one of the evidences that indicates juristic rulings, the Hadith is considered as the basis for juristic deduction (istidlal) and derivation of ruling (istinbat). But the problem is, what is the position of the Prophet's attribute which is one of the components of the Hadith in the process of juristic deduction (istidlal)? Are the Prophet's attributes comparable to His sayings, actions, and approvals in denoting juristic rulings? Why do scholars differentiate between the way of dealing with attributes and other components of the Hadith in juristic deduction (istidlal) and derivation of ruling (istinbat)? What is the accurate method to interact with the Hadith which encompasses the Prophet's attributes? This study aims to find and provide answers to the above questions, with reference to the discussions deliberated in the discipline of Usul al-Fiqh. The importance of this study is demonstrated in differentiating the components of the Hadith which leads to separating the method dan technique in dealing with this legal evidence, with special reference to the component of the Prophet's attributes. This study relies on two methods, which is inductive method in collecting and gathering related data, and deductive method in analyzing and examining the collected data

Keyword: Hadith, Attribute, Juristic Deduction, Derivation of Ruling, Usul al-Fiqh

Abstrak

Pengertian hadis merangkumi perkataan, perbuatan, persetujuan dan sifat yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan salah satu sumber utama dalam pensyarian hukum-hukum Islam sama ada yang terkait dengan Akidah, Shari'ah atau Akhlak. Sebagai salah satu dalil yang menunjukkan kepada hukum-hukum fiqh, hadis Nabi SAW. menjadi teras dalam istidlal dan istinbat. Persoalannya, apakah kedudukan sifat-sifat Nabi SAW. yang menjadi salah satu komponen hadis itu dalam proses istidlal ini? Adakah sifat-sifat Nabi SAW. seperti perkataan, perbuatan dan persetujuanNya dalam menunjukkan kepada hukum-hukum fiqh? Mengapakah para ilmuwan membezakan cara berinteraksi antara

Penulis Utama:

Mustafa Mat
Jubri@Shamsuddin

Jabatan Fiqh & Usul Fiqh,

Fakulti Ilmu Pengetahuan
Berteraskan Wahyu &
Sains Kemanusiaan

Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia

E-mel:

mussham@iium.edu.my

sifat dan selainnya dalam proses istidlal dan istinbat? Bagaimanakah kaedah yang sah untuk berinteraksi dengan hadis-hadis sifat Nabi SAW.? Kajian ini bertujuan untuk mencari dan mengemukakan jawapan kepada persoalan-persoalan di atas, dengan merujuk kepada perbincangan yang terkandung di dalam disiplin ilmu usul fiqh. Kepentingan kajian ini terserlah pada pembezaan komponen-komponen hadis yang lantas membawa kepada pembezaan cara dan kaedah beristidlal dengannya, dengan menumpukan kepada komponen sifat yang disandarkan kepada Nabi SAW. Kajian ini bersandarkan dua kaedah utama, iaitu kaedah pengumpulan data secara induktif dan kaedah penganalisan data secara deduktif.

Kata kunci: Hadis, Sifat, Istidlāl, Istinbāt, Usul Fiqh

PENGENALAN

Wahyu yang bersifat *sam'ī* dan *naqlī* menjadi bukti kepada kekurangan akal dan keterbatasan pancaindera manusia. Seandainya akal sudah mencukupi untuk mengetahui segala perkara, maka Allah tidak menurunkan wahyu kepada manusia. Oleh itu tujuan penurunan wahyu adalah untuk memberikan pengetahuan yang tidak mampu dicapai dan diperoleh oleh akal. Maka antara sifat-sifat agama yang berteraskan wahyu itu, ia tidak difahami secara tuntas dan terperinci oleh akal.

Di samping penurunan wahyu, Allah mengutus kenabian kepada manusia, yang mana para Nabi itu daripada kalangan manusia juga. Seandainya maksud penurunan wahyu kepada manusia itu hanya untuk ia sampai kepada pengetahuan mereka, maka ia boleh berlaku tanpa pengutusan Nabi. Oleh itu, pengutusan seorang Nabi bersama penurunan wahyu itu mempunyai maksud dan tujuan yang lain. Tujuan itu ialah wahyu yang sampai kepada manusia tidak hanya sampai, bahkan ia diperjelaskan oleh seorang Nabi daripada kalangan mereka. Penjelasan yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW sudah tentu satu perkara lain yang berbeza dengan wahyu, lalu ia dinamakan sebagai al-Sunnah yang menjelaskan al-Quran.

Bertitik tolak dari mukadimah di atas, Sunnah yang menjelaskan Quran adalah wahyu yang mensyariatkan hukum-hukum Allah ke atas manusia. Rasulullah SAW dengan ini memiliki tugas pensyariatan melalui Sunnah bagi menjelaskan wahyu al-Quran agar manusia mengetahui kehendak Allah di setiap perilaku mereka di dunia dan akhirat. Maka, kedudukan Sunnah terhadap pensyariatan hukum-hukum syarak secara umum dan hukum-hukum fiqh secara khusus sesuatu yang amat mendasar dan asas dalam agama Islam.

KEDUDUKAN SIFAT NABI SAW DALAM ILMU USUL FIQH

Sifat Nabi SAW adalah salah satu komponen dalam takrifan sunnah di sisi ilmuwan Islam. Sebelum membincangkan makna sifat, seyogianya ditelusuri takrif Sunnah, kerana Sunnah lebih besar berbanding sifat di sini. Sebelum memahami yang lebih kecil, pemahaman kepada yang lebih besar semestinya mendahului.

Al-Sunnah secara literalnya mempunyai dua makna, iaitu sirah (*al-Sīrah*) dan jalan (*al-Tarīqah*) (Ibn Fāris, 1979, 3/61). Kedua-duanya membentuk satu makna am yang merangkumi jalan kehidupan seseorang dan riwayat hidupnya. Secara teknikalnya pula, al-Sunnah mengikut ahli hadis ialah apa yang dikhabarkan dari Nabi SAW berkaitan percakapan atau perbuatan atau pengiktirafan atau sifat tubuh badan atau sifat peribadi atau sirah sama ada sebelum kenabian atau selepasnya (al-Sibā'ī, 1982, 47). Kaitan antara makna literal dan teknikal ini adalah riwayat hidup yang dimaksudkan ialah kehidupan Rasulullah SAW yang mana tujuan untuk mengetahuinya adalah untuk mencontohinya melalui empat komponen tersebut.

Al-Ṣifah pula bermakna petunjuk yang melazimkan sesuatu (Ibn Fāris, 1979, 6/115), ia juga ditakrifkan sebagai nama yang menunjukkan kepada sebahagian keadaan zat yang disifatkan (al-Jurjānī, 1983, 133). Sifat ialah apa yang menjelaskan keadaan sesuatu zat untuk membezakannya dengan zat yang lain. Sifat yang menjadi komponen keempat dalam takrifan Sunnah merujuk kepada sifat manusia atau lebih khusus sifat Rasulullah SAW yang menjelaskan diri dan peribadi Baginda.

Merujuk kepada ilmu Usul Fiqh, ahli usul mentakrifkan Sunnah dengan hanya terbatas kepada percakapan, perbuatan dan pengiktirafan yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. (al-ʿĀmidī, 2003, 1/227; al-Taftāzānī, 1996, 2/3; ʿAmīr Bād Shāh, 1983, 3/19; al-Shawkānī, 1999, 1/95). Sunnah di kalangan ahli usul tidak merangkumi sifat-sifat Nabi SAW. Sama ada sifat diri atau sifat peribadi. Ini berbeza dengan takrifan ahli hadis yang menjadikan sifat sebagai sebahagian makna Sunnah di samping percakapan, perbuatan dan pengiktirafan yang dinisbahkan kepada Rasulullah SAW. (Ibn Rajab, 1987, 156; al-Sakhāwī, 2001, 61; al-Ṣanʿānī, 2006, 185; al-Qāsimī, 2004, 85). Ternyata di sini bahawa ahli hadis memasukkan sifat dalam pengertian Sunnah, sedangkan ahli usul tidak memasukkannya (ʿItr, 1981, 29).

Bertitik tolak dari asas ini, perbincangan Sunnah dalam usul fiqh sebagai dalil hukum tidak menyentuh bab sifat-sifat Nabi SAW. Para ahli usul mendalami cara-cara beristinbat daripada percakapan Baginda SAW. sebagai nas syarak, dan juga memperincikan cara-cara beristidlal dengan perbuatan dan pengiktirafan Baginda SAW. sebagai sumber hukum. Bagi yang mempelajari ilmu usul fiqh, perbincangan *Dilālat al-ʿAlfāz* adalah bab yang utama, yang melibatkan nas-nas syarak daripada al-Quran dan al-Sunnah. Perbincangan *ʿAdillah al-Aḥkām* juga bab yang asas dalam ilmu ini, di mana al-Sunnah dipelajari selepas al-Quran di dalam gugusan dalil-dalil yang menyampaikan kepada hukum-hukum syarak. Di dalam kedua-dua bab ini, ahli usul tidak membincangkan komponen sifat Nabi SAW, dan ini mengukuhkan lagi kenyataan bahawa pengertian Sunnah mengikut disiplin ilmu usul fiqh tidak merangkumi sifat-sifat diri atau peribadi Rasulullah SAW.

PERBEZAAN SIFAT DAN SELAINNYA DALAM PENGERTIAN SUNAH

Dengan mengambil kira kedua-dua manhaj ahli hadis dan ahli usul, maka Sunnah itu mempunyai empat komponen iaitu percakapan, perbuatan, pengiktirafan dan sifat Nabi SAW. Bagi ahli hadis yang memasukkan sifat dalam pengertian Sunnah, keempat-empat komponen ini menggambarkan perkhayaban apa yang diriwayatkan secara sahih dari Rasulullah SAW. Ini kerana, manhaj ahli hadis lebih tertumpu kepada aspek periwayatan, maka apa yang disandarkan secara sahih kepada Baginda SAW. sama ada percakapan, perbuatan, pengiktirafan atau sifat, ia dinamakan sebagai Sunnah. Ini berbeza dengan manhaj ahli usul yang lebih menitikberatkan aspek pensyariatian hukum, maka apa yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW. secara sahih dan ia mengandungi hukum syarak, ia dinamakan Sunnah.

Persoalannya, mengapakah ahli usul tidak memasukkan sifat dalam makna Sunnah? Adakah sifat-sifat Nabi SAW. tidak mengandungi hukum-hukum syarak? Jawapan bagi kedua-dua persoalan ini diperincikan seperti di bawah:

1. **Jenis hukum dalam usul fiqh:** Sebagaimana yang diketahui umum, perkataan *al-Sharīʿah* itu didefinisikan sebagai gagasan hukum yang dikehendaki oleh Allah terhadap hamba-hambanya (al-Tahānawī, 1996, 1/1018). Hukum-hukum ini terbahagi kepada tiga, hukum yang berkait dengan iktikad dan keimanan, hukum yang berkait dengan akhlak dan nilai, dan hukum yang berkait dengan perbuatan dan amalan (al-ʿAshqar, 2005, 18). Setiap jenis hukum ini mempunyai disiplin ilmu tersendiri, iaitu ilmu akidah bagi jenis pertama, ilmu akhlak bagi jenis kedua, dan ilmu fiqh bagi jenis ketiga. Ilmu fiqh pula ditakrifkan sebagai ilmu yang membahaskan hukum-hukum perbuatan manusia

yang diambil dari dalil-dalil syarak (Ibn Qudāmah, 2002, 1/54). Manakala ilmu usul fiqh ialah ilmu yang membicarakan kaedah-kaedah untuk menyampaikan kepada hukum-hukum perbuatan manusia ini (al-Ṭūfī, 1987, 1/120). Justeru, hukum yang dipelajari dalam disiplin ilmu usul fiqh adalah hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perlakuan mukalaf, dan ia hanya wujud pada tiga komponen Sunnah iaitu percakapan, perbuatan dan pengiktirafan Nabi SAW. Manakala sifat tidak dikira perbuatan kerana ia hanya menerangkan hal keadaan diri dan peribadi Baginda SAW, lantas ia tidak mengandungi hukum fiqh. Contohnya, ketika 'Abū Juhayfah r.a. diminta untuk menggambarkan Rasulullah SAW, beliau berkata “*Baginda seorang yang berkulit putih*” (al-Bukhārī, 2001, 4/187). Maka tidak boleh disandarkan kepada sifat ini hukum fiqh, sekalipun hukum harus, kerana ia tidak berkaitan dengan perlakuan dan perbuatan.

2. **Kebergantungan hukum fiqh:** Berdasarkan definisi fiqh dan usul fiqh, hukum syarak bergantung kepada wujudnya perbuatan, bahkan perbuatan mukalaf itu dikira sebagai asas kebergantungan (*muta'allaq*) hukum (al-Zarkashī, 1994, 1/156). Ini kerana hukum *taklīf* yang merangkumi wajib, sunat, harus, makruh dan haram hanya boleh disandarkan kepada perbuatan dan tidak selainnya. Ia juga tidak boleh disandarkan kepada zat sesuatu (al-Ṭūfī, 1987, 2/659), kerana maksud hukum tersebut iaitu tuntutan Allah supaya ia dilakukan atau ditinggalkan tidak terhasil melainkan pada perbuatan terhadap zat tersebut. Contohnya, ketika Allah mengharamkan arak (al-Mā'idah: 90), kebergantungan hukum tersebut adalah pada perbuatan yang terkait dengan arak, iaitu meminumnya. Maka, sifat yang bukan perbuatan tidak mempunyai hukum fiqh, kerana ia tidak mengandungi perbuatan Baginda SAW.
3. **Sifat kembali kepada perbuatan:** Walaupun sifat bukan perbuatan tetapi ada yang boleh dinisbahkan kepada perbuatan. Contohnya, diriwayatkan oleh 'Ibn 'Abbās r.a. bahawa Nabi SAW seorang yang sangat pemurah (al-Bukhārī, 2001, 4/188). Sifat kedermawanan ini boleh diterjemahkan dalam bentuk perbuatan, maka hukum fiqh terkait dengan perbuatan ini dan bukan semata-mata sifat tersebut. Dalam keadaan ini, komponen perbuatan sudah memadai untuk menjelaskan sifat yang kembali kepadanya, kerana hukum fiqh bergantung kepada perbuatan dan bukannya sifat tersebut.
4. **Sifat terhalang dari tujuan ikutan:** Maksud Sunnah adalah untuk diikuti dan dicontohi seperti firman Allah yang menyebut bahawa Nabi Muhammad SAW. sebagai teladan yang terbaik (al-'Aḥzāb; 21). Di samping Sunnah itu sebagai petunjuk hukum, ia juga menjadi panduan ikutan manusia agar bercakap seperti percakapan Baginda SAW, berbuat seperti perbuatanNya, dan melakukan seperti apa yang dipersetujuiNya. Ini tidak berlaku kepada sifat, kerana sifat diri (*khilqiyah*) lebih kepada keadaan-keadaan yang tidak boleh dilakukan atau cuba dilakukan oleh manusia. Contohnya, apa yang diriwayatkan oleh 'Anas bin Mālik r.a. bahawa Baginda SAW tidaklah terlalu tinggi dan tidak pula terlalu rendah (al-Bukhārī, 2001, 4/187). Kita terhalang secara fitrahnya untuk mengikuti sifat diri ini, maka sifat ini tidak boleh dilakukan. Sebegitu juga dengan sifat peribadi (*khuluqiyah*), kerana akhlak itu nilai baik dan buruk sesuatu, ia bukan perkara yang diikuti, melainkan selepas ia diterjemahkan dalam bentuk perbuatan. Contohnya, seperti yang diriwayatkan oleh 'Abū Sa'īd al-Khudrī bahawa Nabi SAW seorang yang pemalu melebihi perempuan (al-Bukhārī, 2001, 4/190). Mengikuti Baginda SAW melalui tidak dengan hanya mengatakan saya pemalu, tetapi menzahirkan tindakan yang bertepatan dengan sifat peribadi ini.
5. **Sifat tidak boleh diukur dan dihukum:** Jika sifat-sifat Nabi SAW termasuk dalam tuntutan *taklīf* maka ia tidak boleh diukur secara tuntas dan dihukum secara jelas. Kepentingan sesuatu itu boleh diukur dengan pancaindera di dalam perbincangan usul fiqh adalah kerana hukum fiqh itu adalah sama bagi setiap manusia (al-Shāfi'ī, 1990, 5/291)

kerana tujuannya (*maqṣad*) satu. Untuk memastikan kesamarataan dalam pelaksanaan hukum, ia mestilah boleh diukur dengan apa yang tercapai melalui pancaindera. Contohnya, hadis yang diriwayatkan oleh 'Abū Barzah r.a. bahawa Baginda SAW. tidak menyukai atau membenci perbuatan tidur sebelum waktu Isyak (al-Bukhārī, 2001, 1/118). Maka sifat membenci ini tidak boleh diukur dengan pancaindera, dan ia bukan menjadi asas ikutan, akan tetapi meninggalkan perkara yang dibenci ini dituntut kerana ia boleh diukur. Kepentingan sesuatu itu boleh dihukum dengan berpandukan yang zahir dalam perbincangan usul fiqh adalah kerana hukum fiqh berpaksikan apa yang terzahir pada luaran, manakala apa yang tersembunyi di hati daripada sifat peribadi ialah perkara yang tidak boleh dipertanggungjawabkan dan dikenakan ke atasnya hukuman di dunia. Contohnya, apa yang diriwayatkan oleh 'Ā'ishah r.a. bahawa Rasulullah SAW. amat menyukai dalam segala urusan-Nya untuk memulai dengan yang kanan (al-Bukhārī, 2001, 1/93). Perasaan suka adalah sifat yang ada di dalam hati, maka ia amat sukar untuk dihukum secara fiqh, kerana tiada siapa yang mengetahui apa yang ada di dalam hati.

Untuk mengukuhkan lagi pernyataan di atas, tiga komponen yang disebut di dalam definisi Sunnah sudah menyempurnakan maksud pensyariaan tanpa memerlukan komponen sifat. Ini kerana, Rasulullah SAW. menjelaskan (*al-bayān*) hukum melalui pengucapannya yang difahami maknanya. Lalu, para sahabat melakukan apa yang mereka fahami dari perkataan Nabi SAW ini. Sekiranya, percakapan sahaja tidak menyampaikan penjelasan hukum, maka Rasulullah SAW. akan menjelaskannya melalui perbuatan dan amalan. Contohnya, seperti yang diriwayatkan oleh Mālik bin al-Huwayrith bahawa Nabi SAW bersabda “*Bersolatlah kamu semua sebagaimana kamu melihat diriku bersolat*” (al-Bukhārī, 2001, 1/128). Sekiranya penjelasan hukum tidak mungkin berlaku melalui perkataan dan perbuatan, kerana keterbatasan yang wujud pada diri Baginda SAW. maka ia berlaku dengan cara pengiktirafan ke atas perkataan dan perbuatan sahabat. Contohnya Nabi SAW. tidak mungkin menjadi wanita, hamba, anak, dan makmum, maka Baginda SAW. memperakui apa yang dilakukan oleh golongan-golongan ini.

Kesimpulannya, Sunnah dalam disiplin ilmu usul fiqh tidak merangkumi sifat-sifat Nabi SAW. bukan kerana mengetahuinya tidak dituntut, tetapi kerana tujuan ilmu ini adalah untuk mengetahui hukum-hukum fiqh ke atas perbuatan mukalaf.

KAEDAH BERISTIDLAL DENGAN SIFAT NABI SAW

Berdasarkan perbincangan yang lalu, meskipun sifat Nabi SAW. tidak disebut dalam definisi Sunnah, namun ada kaedah tertentu yang digariskan dalam disiplin ilmu usul fiqh untuk berinteraksi dengannya ketika beristidlal dengan hadis-hadis yang mengandungi sifat.

Kaedah Pertama: Sifat Nabi Terbahagi Kepada Sifat Kemanusiaan dan Sifat Kenabian.

Nabi Muhammad SAW dipersaksikan oleh al-Quran sebagai seorang manusia (al-Kahf: 110), sebegitu juga oleh hadis Baginda SAW sendiri (al-Bukhārī, 2001, 1/131). Justeru, sifat-sifat yang ada pada Rasulullah SAW terbahagi kepada sifat kemanusiaan (*jibiliyyah*) dan sifat kenabian (*nubuwwah*). Sifat kemanusiaan ini jika ia ada semata-mata kerana ia perlu ada sebagai manusia seperti bernafas dan berpeluh, maka ia tidak tertakluk kepada hukum jika tiada pilihan, dan jika ada pilihan seperti perlukan makanan dan minum maka ia adalah harus (al-Juwaynī, 1997, 1/183). Manakala sifat kemanusiaan yang menunjukkan kekurangan dan kesilapan, ia tidak boleh diikuti perbuatannya. Contohnya, seperti yang diriwayatkan oleh 'Abū Hurayrah r.a. bahawa Nabi SAW terlupa dua rakaat solat zuhur (al-Bukhārī, 2001, 1/144). Sifat lupa itu satu yang lazim bagi seorang manusia, akan tetapi jika ia berlaku kepada Nabi

SAW. ia tidak boleh diikuti, apatah lagi lupa itu sifat yang tidak boleh dikawal dengan hati dan perbuatan.

Kaedah Kedua: *Sifat Kenabian Terbahagi Kepada Sifat Tubuh Badan dan Sifat Pekerti Akhlak.*

Sifat kenabian yang ada pada Rasulullah SAW. terbahagi pula kepada sifat tubuh badan dan sifat pekerti akhlak. Sifat tubuh badan Nabi SAW ialah sifat tubuh manusia yang paling sempurna sebagai seorang utusan Allah yang menjadi tempat jatuhnya pandangan manusia. Para sahabat sentiasa menggambarkan kesempurnaan tubuh Baginda SAW dengan tamsilan-tamsilan indah, seperti bulan purnama (al-Bukhārī, 2001, 4/188) dan sebagainya. Manakala sifat pekerti akhlak Rasulullah SAW. adalah yang paling sempurna (al-Qalam: 4), dan yang menjadikan mereka yang memiliki akhlak terbaik sebagai mereka yang paling mulia (al-Bukhārī, 2001, 4/189). Di antara kedua-dua sifat ini, sifat pekerti akhlak lebih hampir kepada perbuatan berbanding sifat tubuh badan Baginda SAW, kerana akhlak itu nilai yang perlu diterjemahkan dalam amalan dan tindakan, dan ia tidak seharusnya hanya menjadi nilai yang difahami akal dan dirasai hati. Contohnya, seperti yang diriwayatkan oleh 'Abdullāh bin 'Amrū bahawa Nabi SAW bukanlah seorang yang berkata perkataan keji (al-Bukhārī, 2001, 4/189). Maka sifat ini tidak boleh hanya menjadi nilai yang buruk semata-mata, bahkan ia perlu dilakukan dengan meninggalkannya jika pernah melakukannya, atau menahan diri darinya jika belum melakukannya.

Kaedah Ketiga: *Sifat Tubuh Badan Terbahagi Kepada Apa Yang Boleh Diikuti dan Apa Yang Tidak Boleh Diikuti.*


Meskipun sifat tubuh badan Baginda SAW tidak lebih hampir daripada sifat akhlak-Nya untuk dicontohi dan diikuti, namun masih ada ruang di sisi perbahasan usul fiqh untuk berinteraksi dengan sifat ini. Oleh itu, sifat tubuh badan Rasulullah SAW terbahagi kepada apa yang boleh diikuti dan apa yang tidak boleh diikuti, dan neraca pembahagian ini adalah kebolehsandaran sifat ini kepada perbuatan. Sekiranya sifat ini boleh dilakukan oleh selain Baginda SAW. secara perbuatan tanpa melanggar larangan syarak, maka ia sifat yang boleh diikuti. Sebaliknya, sekiranya sifat ini tidak dilakukan melainkan dengan pelanggaran syarak, maka ia sifat yang tidak boleh diikuti. Contoh bagi yang boleh diikuti seperti yang diriwayatkan oleh 'Anas bin Mālik r.a. bahawa rambut Rasulullah SAW panjangnya di antara dua telinga dan bahunya (al-Bukhārī, 2001, 7/161). Sifat ini boleh disandarkan kepada perbuatan memotong rambut atau membiarkannya agar menyerupai sifat rambut Baginda SAW. ini. Contoh bagi yang tidak boleh diikuti pula seperti yang diriwayatkan oleh 'Anas bin Mālik r.a. bahawa telapak tangan Rasulullah SAW. lebih lembut dari sutera (al-Bukhārī, 2001, 7/161). Sifat ini tidak boleh disandarkan kepada perbuatan, maka ia sifat ini kekal sifat yang tidak dituntut untuk diikuti dan tiada padanya hukum fiqh.

Kaedah Keempat: *Sifat Pekerti Akhlak Terbahagi Kepada Apa Yang Boleh Diikuti dan Apa Yang Tidak Boleh Diikuti.*

Sekalipun sifat akhlak sangat hampir kepada perbuatan namun ada sifat ini yang tidak boleh diikuti sekalipun ia boleh disandarkan kepada perbuatan. Ini kerana maksud ikutan pada perbuatan itu terhalang dengan maksud pengkhususan kepada Baginda SAW. Contohnya, sifat syukur yang menjadi sebab Baginda SAW bersolat malam sehingga bengkak kakinya (al-Bukhārī, 2001, 2/50), adalah perbuatan wajib yang dikhususkan kepadaNya (Ibn Battāl, 2003, 3/117). Maka tidak boleh menjadi ikutan umat untuk bersolat malam sehingga bengkak kaki sebagai tanda bersyukur. Manakala sifat akhlak Rasulullah SAW yang boleh diikuti kerana ia boleh disandarkan kepada perbuatan adalah sifat yang mengandungi hukum fiqh. Contohnya,

sifat Nabi SAW yang menyukai kemudahan seperti yang diriwayatkan oleh *‘Ā’ishah* r.a. bahawa Rasulullah SAW ketika memilih antara dua perkara akan memilih yang paling mudah selagi ia tidak berdosa (al-Bukhārī, 2001, 4/189). Sifat ini bertepatan dengan konsep kemudahan dalam beragama seperti yang disebut dalam al-Quran (al-Baqarah: 185; al-Mā’idah: 6; al-Ḥajj: 78). Perbuatan yang boleh disandarkan kepada sifat akhlak ini bersifat ijtihadi, bagi menentukan hukum-hukum fiqh ke atas isu-isu semasa, dengan meraikan apa yang memudahkan manusia selagi mana ia tidak mendatangkan mafsadah yang lebih besar.

Kesimpulannya, sifat-sifat Nabi SAW yang diriwayatkan di dalam hadis tidak termasuk sebagai sebahagian Sunnah di sisi ahli usul, kerana ia tidak mengandungi hukum-hukum fiqh. Namun, ia tidak bermakna sifat-sifat ini tidak menjadi subjek *istidlal* untuk mendapatkan hukum, ini kerana penelitian melalui kaedah-kaedah *istidlal* terdahulu menunjukkan bahawa sifat-sifat yang boleh disandarkan kepada perbuatan mengandungi hukum-hukum fiqh. Dapat difahami dari sini, bahawa sifat tidak disebut tersendiri sebagai komponen Sunnah hanya kerana dua sebab, **pertama** ia sebagai dirinya tidak boleh dikaitkan dengan hukum-hukum fiqh. **Kedua**, sifat itu kembali kepada komponen perbuatan, kerana hanya dengan ini sifat itu boleh mengandungi hukum-hukum fiqh.



Rajah 1: Cara Beristidlal Dengan Sifat Nabi SAW

KESIMPULAN

Antara dapatan-dapatan kajian yang ditemui setelah perbincangan ini ialah:

- i. Ahli usul tidak membincangkan komponen sifat Nabi SAW, dan ini mengukuhkan lagi kenyataan bahawa pengertian Sunnah mengikut disiplin ilmu usul fiqh tidak merangkumi sifat-sifat diri atau peribadi Rasulullah SAW.
- ii. Manhaj ahli hadis lebih tertumpu kepada aspek periwayatan, maka apa yang disandarkan secara sahih kepada Baginda SAW. sama ada percakapan, perbuatan, pengiktirafan atau sifat, ia dinamakan sebagai Sunnah.
- iii. Manhaj ahli usul yang lebih menitikberatkan aspek pensyariatian hukum, maka apa yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW. secara sahih dan ia mengandungi hukum syarak, ia dinamakan Sunnah.
- iv. Hukum yang dipelajari dalam disiplin ilmu usul fiqh ialah hukum-hukum syarak yang berkaitan dengan perlakuan mukalaf, manakala sifat tidak dikira perbuatan kerana ia hanya

- menerangkan hal keadaan diri dan peribadi Baginda SAW, lantas ia tidak mengandungi hukum fiqh.
- v. Sifat yang bukan perbuatan tidak mempunyai hukum fiqh, kerana ia tidak mengandungi perbuatan Baginda SAW.
 - vi. Dalam keadaan sifat kembali kepada perbuatan, komponen perbuatan sudah memadai untuk menjelaskan sifat yang kembali kepadanya, kerana hukum fiqh bergantung kepada perbuatan dan bukannya sifat tersebut.
 - vii. Sifat terhalang daripada tujuan ikutan, kerana sifat diri (*khilqiyah*) lebih kepada keadaan-keadaan yang tidak boleh dilakukan atau cuba dilakukan oleh manusia, manakala sifat peribadi (*khuluqiyyah*) itu nilai baik dan buruk sesuatu, ia bukan perkara yang diikuti, melainkan selepas ia diterjemahkan dalam bentuk perbuatan.
 - viii. Sifat-sifat Nabi SAW. tidak boleh diukur secara tuntas dengan pancaindera dan tidak boleh dihukum secara jelas dengan berpandukan yang zahir.
 - ix. Tiga komponen yang disebut di dalam definisi Sunnah sudah menyempurnakan maksud pensyariatian tanpa memerlukan komponen sifat.
 - x. Sunnah dalam disiplin ilmu usul fiqh tidak merangkumi sifat-sifat Nabi SAW. bukan kerana mengetahuinya tidak dituntut, tetapi kerana tujuan ilmu ini adalah untuk mengetahui hukum-hukum fiqh ke atas perbuatan mukalaf.
 - xi. Sifat tidak disebut tersendiri sebagai komponen Sunnah hanya kerana dua sebab, pertama ia sebagai dirinya tidak boleh dikaitkan dengan hukum-hukum fiqh, kedua, sifat itu kembali kepada komponen perbuatan, kerana hanya dengan ini sifat itu boleh mengandungi hukum-hukum fiqh.

RUJUKAN

- al-'Āmidī, 'Alī bin Muḥammad. 2003. *Al-Iḥkām Fī 'Uṣūl al-Aḥkām*. Ed: 'Abd al-Razzāq 'Afifī. Dār al-Ṣumay'ī.
- al-'Ashqar, 'Umar Sulaymān. 2005. *Al-Madkhal 'Ilā al-Sharī'ah Wa al-Fiqh al-'Islāmī*. Al-'Urdun: Dār al-Nafā'is.
- al-Bukhārī, Muḥammad bin 'Ismā'īl. 2001. *Al-Jāmi' al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*. Ed: Muḥammad Zahīr bin Nāṣir. Dār Ṭawq al-Najāh.
- al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad. 1983. *Kitāb al-Ta'rīfāt*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Juwaynī, 'Abd al-Malik bin 'Abdullāh. 1997. *Al-Burhān Fī 'Uṣūl al-Fiqh*. Ed: Ṣalāḥ bin Muḥammad. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn. 2004. *Qawā'id al-Taḥdīth Min Funūn Muṣṭalaḥ al-Hadīth*. Ed: Muṣṭafā Shaykh Muṣṭafā. Mu'assasah al-Risālah.
- al-Sakhāwī, Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān. 2001. *Al-Ghāyah Fī Sharḥ al-Hidāyah Fī 'Ilm al-Riwāyah*. Ed: 'Abū 'Ā'ish 'Abd al-Mun'im. Maktabah 'Awwāl al-Shaykh Li al-Turāth.
- al-Ṣan'ānī, Muḥammad bin 'Ismā'īl. 2006. *'Isbāl al-Maṭar 'Alā Qaṣb al-Sukr*. Ed: 'Abd al-Ḥamīd bin Ṣaliḥ. Bayrūt: Dār 'Ibn Ḥazm.
- al-Shāfi'ī, Muḥammad bin 'Idrīs bin al-'Abbās. 1990. *Kitāb al-'Umm*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī. 1999. *'Irshād al-Fuḥūl 'Ilā 'Ilm al-'Uṣūl*. Ed: 'Aḥmad 'Azwu 'Ināyah. Dār al-Kitāb al-'Arabī.

- al-Sibā'ī, Muṣṭafā bin Ḥasani. 1982. *Al-Sunnah Wa Makānatuhā Fī al-Tashrī' al-'Islāmī*. Bayrūt: al-Maktab al-'Islāmī.
- al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar. 1996. *Sharḥ al-Talwīḥ 'Alā al-Tawḍīḥ*. Ed: Zakariyā 'Umayrāt. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tahānawī, Muḥammad bin 'Alī. 1996. *Mawsū'ah Kashāf 'Iṣṭilāḥāt al-Funūn Wa al-'Ulūm*. Ed: 'Alī Daḥrūj. Bayrūt: Maktabah Lubnān.
- al-Ṭūfī, Sulaymān bin 'Abd al-Qawī. 1987. *Sharḥ Mukhtaṣar al-Rawḍah*. Ed: 'Abdullāh bin 'Abd al-Muṣḥin al-Turkī. Mu'assasah al-Risālah.
- al-Zarkashī, Muḥammad bin 'Abdullāh. 1994. *Al-Bar al-Muḥīṭ Fī 'Uṣūl al-Fiqh*. Dar al-Kutubī.
- 'Amīr Bād Shāh, Muḥammad 'Amīn bin Maḥmūd. 1983. *Taysīr al-Taḥrīr*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Baṭṭāl, 'Alī bin Khalaf. 2003. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Ed: 'Abū Tamīm Yāsir bin 'Ibrāhīm. Al-Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.Gay
- Ibn Fāris, Aḥmad bin Fāris. 1979. *Mu'jam Maqāyīs al-Lughah*. Ed: 'Abd al-Salām Muḥammad Hārūn. Dār al-Fikr.
- Ibn Qudāmah, 'Abdullāh bin Aḥmad. 2002. *Rawḍah al-Nāẓir Wa Jannah al-Manāẓir*. Mu'assasah al-Rayyān.
- Ibn Rajab, 'Abd al-Raḥmān bin Aḥmad. 1987. *Sharḥ 'Ilal al-Tirmidhī*. Ed: Humām 'Abd al-Raḥīm. Al-'Urdun: Maktabah al-Manār.
- 'Itr, Nūr al-Dīn Muḥammad. 1981. *Manhaj al-Naqd Fī 'Ulūm al-Ḥadīth*. Dimashq: Dār al-Fikr.